



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## SIARAN SEGERA

### **RAYUAN KELAYAKAN KENDERAAN DAN KUOTA UNTUK PERTIMBANGAN JAWATANKUASA KELULUSAN SUBSIDI DIESEL**

**PUTRAJAYA, 12 JUN 2024** – Susulan daripada pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bermula pada 10 Jun 2024, beberapa pihak telah mengemukakan permohonan terus kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkaitan penambahbaikan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS). Antara syor yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Mempertimbangkan beberapa tambahan jenis kenderaan pengangkutan barangan dalam senarai layak menikmati subsidi diesel di bawah SKDS 2.0; dan
2. Meningkatkan kuota asas sedia ada di bawah SKDS 1.0 bagi jenis kenderaan pengangkutan awam seperti bas sekolah dan bas ekspres.

KPDN sedang meneliti semua asas permohonan dan rayuan ini dan akan diangkat segera untuk pertimbangan Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel. Jawatankuasa ini dianggotai oleh KPDN, Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Agensi Pengangkutan Awam Darat dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Jawatankuasa Rayuan akan mengemukakan syor bagi semua rayuan berkenaan untuk pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri.

### **YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

###